

SEMINAR PAPERS

**AMALAN ISLAM DALAM SEBUAH
NEGARA SEKULAR**

SYED ISA BIN MOHAMED BIN SEMAIT

No. 2

Academic Session 1990/91

ISBN 9971-62-260-2

**Department of Malay Studies
National University of Singapore**

FOREWORD

I am pleased to write this short foreword to introduce the Department's Seminar and Occasional Papers Series. The series provides the opportunity for staff members of the Department as well as scholars of Malay Studies in general to have their research findings on Malay subjects made known to a wider audience. It is also hoped that this initiative will provide the avenue for a beneficial exchange of ideas and viewpoints on Malay issues between town and gown.

The Department would like to thank Hotel Properties Pte Ltd for sponsoring the publication of the series.

Finally, it should be mentioned that the views expressed in the seminar and occasional papers series are those of the respective authors.

3 January 1991

Assoc Prof Tham Seong Chee
Head
Department of Malay Studies

Sebahagian orang menyangka bahawa ajaran Islam itu hanya suruhan biasa agama seperti agama-agama lain yang mengambil berat tentang ibadat dan budi pekerti yang ada hubungan antara manusia dengan tuhannya sahaja. Tidak ada kena mengena antara agama dengan perkara-perkara yang bersangkut-paut dengan kehidupan manusia sehari-hari, berlebih-lebih lagi tentang pemerintahan dan kehakiman negara. Pendapat seperti ini lahir, pada masa kebelakangan ini kerana keadaan hidup moden yang sangat mengutamakan keperluan keduniaan telah membawa manusia kepada pemikiran sedemikian. Khasnya tidak ternampak dari negara-negara Islam sendiri yang mengamalkan undang-undang Islam sepenuhnya dalam perkara kehakiman disamping perkara-perkara ibadat. Maka pengajaran Islam dan hukum-hukumnya yang mencakup segala sesuatu tentang keperluan hidup di dunia ini menjadi seperkara yang kurang nyata dan kurang diambil perhatian oleh orang-orang seperti ini.

Saya telah diminta bercakap mengenai tajuk ‘Amalan Islam dalam sebuah negara sekular’. Tajuk ini memberi gambaran bahawa saolah-olah ada perbezaan besar pada amalan Islam di negara Islam dan negara sekular!

Agama Islam adalah agama fitrah dan jalan Allah s.w.t. yang lurus, malahan Islam adalah hakikat syariat yang mutlak yang telah diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada para Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul- Nya sejak manusia pertama wujud di permukaan bumi ini. Islam adalah agama Allah s.w.t. kepada semua umat manusia, tidak berselisih dasarnya sekalipun berbeza antara umat manusia dari segi jenis dan bangsanya, keadaan dan zamannya atau tempatnya. Hanya yang berbeza adalah tentang ‘furu’ atau cabangannya sahaja.

Erti Islam dari segi bahasa Arab adalah menyerah diri dan patuh dan maknanya dari segi syara’ adalah mematuhi hukum syara’ (syariat Islam). Firman Allah membawa pengertian: Katakanlah: Aku menyerahkan diri

kepada Allah s.w.t. (Ali Imran: 52) Nabi dan Rasul-Rasul Allah s.w.t. semuanya menyeru kepada tauhid dan menyerah diri kepada Allah s.w.t. yakni Muslim.

Al-Quran telah menyebut Nabi Noh a.s. berkata kepada kaumnya: Dan aku disuruh-Nya supaya menjadi orang Islam. (Yunus: 72).

Al-Quran telah menyebutkan juga tentang Nabi Ibrahim a.s., Nabi Yakub a.s. ketika ia berwasiat kepada anak-anaknya dengan berkata: "Hai anak-anakku, sesungguhnya Allah s.w.t. telah memilih agama ini untuk kamu, maka janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan kamu beragama Islam juga." (Al-Baqarah: 132).

Al-Quran juga telah menceritakan anak-anak Yakub a.s. menjawab kepada bapanya ketika ia bertanya kepada mereka "Apa yang akan kamu sembah selepasku? Mereka berkata: Kami menyembah Tuhan engkau dan Tuhan bapa-bapa engkau iaitu Ibrahim, Ismail dan Ishak sedang Ia Tuhan yang satu dan kami semuanya orang-orang yang menyerah diri kepada-Nya sebagai orang-orang Islam." (Al-Baqarah: 133)

Al-Quran telah juga menyebutkan tentang Nabi Musa a.s. ketika ia berkata kepada kaumnya: "Hai kaumku, jika kamu percaya kepada Allah s.w.t., hendaklah kamu menyerahkan diri kepada-Nya jika sebenarnya kamu orang-orang Islam." (Yunus: 84) Al-Quran juga telah menyebut tentang pengikut-pengikut Nabi Isa a.s. ketika ia dapati ada di antara sahabat-sahabatnya yang kafir maka ia berkata "Siapakah yang menolong saya kepada Allah s.w.t.?" Sahabat-sahabatnya pun menjawab: "Kami ini adalah pembantu dan penyokong agama Allah s.w.t. Kami beriman kepada Allah s.w.t. dan saksikanlah bahawa kami ini orang-orang Islam." (Ali-Imran: 52)

Dari itu Islam bukanlah agama baharu yang didatangkan untuk sesuatu umat sebagaimana yang disangkakan oleh sebahagian orang, tetapi ia adalah

agama yang telah diwahyukan kepada kesemua Rasul-Rasul Allah s.w.t. Agama ini kemudiannya diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagai penyudah sekalian Nabi dan Rasul untuk menghidupkan semua suruhan-suruhan Allah s.w.t. yang terdahulu. Atas dasar inilah Allah s.w.t. telah jadikan antara perkara-perkara yang wajib kita beriman kepada semua Rasul Allah s.w.t. sama ada ternyata dalam Al-Quran nama mereka ini atau tidak, dan wajib kita beriman kepada kitab-kitab Allah s.w.t. yang terdahulu dari Al-Quran dengan apa bahasa pun kitab itu diturunkan dengan tidak membezakan antara satu Rasul dengan yang lain atau melebihkan sesuatu dari yang lain. Bahkan dasar keimanan kita kepada Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul Allah s.w.t. itu semuanya sama iaitu sebagai pesuruh-pesuruh Allah s.w.t. sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah s.w.t. dalam firman-Nya: "Katakanlah: Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim dan Ismail dan Ishaq dan Yaqub dan anak-anaknya, dan apa yang diberikan kepada Nabi-Nabi dari Tuhan-Nya. Kami tidak memperbezakan seorang pun di antara mereka dan kami patuh kepada-Nya." (Al-Baqarah: 136).

Begitu juga tentang suruhan-suruhan Allah s.w.t. kepada umat Nabi Muhammad s.a.w. dan umat-umat Nabi-Nabi yang terdahulu iaitu firman Allah s.w.t. dalam Surah Asy-Syura yang bermaksud:

Dia (Allah) telah menetapkan agama kepada kamu apa yang telah diperintahkan-Nya kepada Nuh; dan apa yang Kami (Allah) wahyukan kepada engkau (Muhammad) dan yang Kami perintahkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa - serupa sahaja - bahawa: Tegakkanlah agama, dan janganlah kamu berpecah- belah di dalamnya! Berat bagi kaum musyrik (orang-orang yang mempersekuat Tuhan) - itu menerima - apa yang engkau serukan kepada mereka itu. Tuhan memilih kepada- Nya orang yang dikehendaki-Nya dan memimpin kepada agama-Nya orang yang kembali (kepada-Nya).

Dan tidaklah mereka berpecah-belah melainkan sesudah datang pengetahuan kepada mereka, disebabkan kedengkian sesama mereka. Kalau tiadalah perkataan telah terdahulu dari Tuhan engkau, tentulah - ketika itu juga - perkara di antara mereka itu diputuskan. Dan sesungguhnya orang-orang yang mempusakai Kitab kemudian daripada mereka itu adalah ragu-ragu tentang itu dan penuh kebimbangan.

Sebab itu, serulah (mereka kepada jalan yang benar) dan hendaklah engkau berdiri teguh seperti mana yang diperintahkan kepada engkau; dan janganlah engkau turut kemahuan (hawa nafsu) mereka. Katakanlah kepadanya: Aku mempercayai Kitab yang diturunkan oleh Tuhan, dan aku diperintahkan supaya bersikap adil dan di antara kamu. Allah itu Tuhan kami dan Tuhan kamu.

Kami mempertanggungjawabkan pekerjaan kami dan kamu pula mempertanggungjawabkan pekerjaan kamu. Tidak ada pertengkarannya antara kami dan kamu. Tuhan akan mengumpulkan kita bersama-sama dan kepada-Nya tujuan terakhir. (Asy-Syura: 13-15)

Al-Quran menegaskan bahawa agama di sisi Allah s.w.t. ialah agama Islam, agama suci, agama rahmat dan agama yang direhái oleh Allah s.w.t. Iaitu firman-Nya: Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. (Ali-Imran: 19).

Dengan kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. sempurnalah perutusan Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t.: Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu dan Aku cukupkan kepada kamu nikmat-Ku dan telah Aku redhai Islam itu menjadi agama bagi kamu. (Al-Maidah: 4)

Sebagai seorang Islam mestilah mengaku dengan lisan dan mempercayai dengan penuh yakin bahawa:

- (a) Tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah s.w.t. dan sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w. itu Pesuruh Allah s.w.t.
- (b) Hendaklah ia mengerjakan sembahyang lima waktu sehari semalam.
- (c) Hendaklah ia mengeluarkan zakat.
- (d) Hendaklah ia berpuasa bulan Ramadan.
- (e) Hendaklah ia mengerjakan haji jika mampu mengerjakannya.

Kelima-lima perkara ini dinamakan Rukun Islam. Belum sempurna Islam seseorang itu melainkan dengan mengerjakannya.

Dan wajib juga tiap seorang Islam itu beriman dengan enam Rukun Iman sepenuhnya. Tidak boleh kurang walaupun satu daripadanya. Iaitu:

- (a) Beriman kepada keesaan Allah s.w.t.
- (b) Beriman kepada malaikat-malaikat Allah s.w.t.
- (c) Beriman kepada kitab-kitab Allah s.w.t.
- (d) Beriman kepada Rasul-Rasul Allah s.w.t.
- (e) Beriman kepada Hari Kebangkitan semula - Hari Qiamat.
- (f) Beriman kepada Qadak dan Taqdir Allah s.w.t.

Semua ini adalah secara ringkas sahaja. Tiap Muslim lelaki atau perempuan wajib mengetahui lebih dari itu secara terperinci.

Perkara-perkara ini tidak boleh tidak, mesti seseorang Islam itu mengetahui dan mengamalkan Rukun Islam dan percaya dengan sepenuhnya Rukun Iman. Perkara ini tidak ada tolak ansur padanya di mana jua orang Islam itu berada, kerana perkara-perkara ini adalah hukum dasar. Setiap ibu bapa wajib mengajarkan anaknya atau orang yang menjadi tanggungannya perkara-perkara ini.

Agama Islam sebagai agama Allah yang terakhir telah membentangkan aqidah yang benar, syariat yang tulin; mencakup dan menyeluruh terhadap segala sesuatu yang bersangkut paut dengan kehidupan manusia dan masyarakat Islam secara khususnya. Undang-undang atau fiqih Islam ini tetap mampu membentuk identiti Muslim sebagai individu dan juga sebagai anggota masyarakat serta mengikat perhubungan antara sesama mereka bahkan memperkuatkannya sebagai satu umat yang bersaudara sekalipun berlainan bangsa dan keturunan, berjauhan tempat tinggal atau negara. Yang menyatukan mereka adalah aqidah Islamiah sebagaimana Al-Quran menegaskan: Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara. (Al-Hujurat: 10).

Secara lengkap pengajaran Islam mengandungi tiga bahagian:

- (a) Bahagian Aqidah
- (b) Bahagian Akhlak
- (c) Bahagian Syariah

Adapun bahagian Aqidah mewajibkan setiap Muslim dan Muslimah beriman dengan perkara-perkara Ghaibiyat. Beriman kepada Allah s.w.t., beriman dengan Qada' dan Qadar Allah s.w.t., beriman bahawa Allah s.w.t. adalah Pencipta, mutlak, tidak ada sekutu baginya, Allah s.w.t. berkuasa ke atas tiap sesuatu.

Adapun bahagian akhlak adalah seperti berikut:

- (a) Memperhambakan diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t., dengan tidak menyekutukanNya dengan sesuatu. Menyerah diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Tidak takut kepada sesiapa melainkan Allah s.w.t.

- (b) Ikhlas pekerjaannya kerana Allah s.w.t. Apa yang terbit daripadanya adalah haq Allah s.w.t. semata-mata, tidak untuk sesiapa pun lain.
- (c) Ikhlas percakapan kerana Allah. Tidak bercakap kecuali apa yang diridhai oleh Allah s.w.t. Tidak bercakap kecuali apa yang diizinkan baginya. Menyuruh membuat baik dan melarang membuat kejahatan. Menyeru kepada kebenaran dan kebaikan dengan izin Allah s.w.t.
- (d) Sentiasa mengawasi diri supaya berada dalam keredhaan Allah s.w.t Patuh sepenuhnya terhadap suruhan Allah s.w.t. menurut ajaran kitab Allah s.w.t. dan sunnah Rasul-Nya.

Adapun bahagian syariah ialah: Patuh kepada hukum-hukum Allah s.w.t. Mengerjakan apa yang disuruh dan menjauhkan diri dari apa yang dilarang. Firman Allah s.w.t.: Katakanlah: jika kamu benar-benar mencintai Allah, maka ikutlah aku nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Katakanlah: Taatlah Allah dan Rasul-Nya, jika kamu berpaling maka sesungguhnya Allah tidak suka orang-orang yang kafir. (Ali-Imran: 31-32).

Perundangan Islam adalah sebahagian dari kehidupan umat Islam sejagat yang tidak boleh dipisahkan. Perundangan Islam inilah satu-satunya perkara yang menjadi kebanggaan Islam yang terbesar.

Tidak pernah ada sebelumnya sebarang perundangan yang dapat menandingi perundangan Islam. Dengannya dunia mendapat suatu sistem perundangan yang sempurna. Perundangan Islam bukan sahaja merangkumi segala sesuatu bagi kebaikan masyarakat dalam bidang undang-undang bahkan juga tatasusila dan budi pekerti yang tinggi ada tersemat dalam undang-undang itu. Syariat dan perundangan Islam adalah benar-benar sesuai dengan fitrah manusia.

Perundangan Islam ini mencakup segi kehidupan manusia samada yang berupa perhubungan antara hamba Allah s.w.t. dengan Allah s.w.t. tuhannya atau sesama hamba Allah s.w.t.

Perhubungan antara hamba dengan Allah s.w.t., seperti salat, puasa, zakat, haji dan kebersihan seperti mandi wajib kerana hadas besar atau mandi sunnat, kerana sembahyang Jumaat atau Hari Raya atau kebersihan sebahagian badan seperti wuduk kerana sembahyang lima waktu dan galakan lain seperti bersugi (gigi), memotong kuku, bercukur dan sebagainya. Perawi Hadith Nabi s.a.w. yang termasyhur iaitu Imam Muslim, pernah meriwayatkan: Bahawa ada seorang musyrik telah berkata kepada seorang Islam, "Sesungguhnya saya melihat kawan kamu itu (Nabi Muhammad s.a.w.) telah mengajar kamu hinggakan cara membersihkan diri dari buang air besar pun diterangkan. Kami menjawab, ya benar kata kamu. Beliau telah melarang kami beristinjak dengan tangan kanan."

Hukum Fiqh Islam ini juga telah membimbing masyarakat Islam kepada berpakaian cantik dan bersih umpamanya untuk menghadiri sembahyang Jumaat atau Hari Raya dan ada juga galakan supaya memakai bau-bauan. Diajarkan juga adab makan minum, dan apa yang sesuai dimakan dan yang tidak sesuai. Begitu juga diterangkan tentang cara-cara memperbaiki hal keadaan masyarakat umum dari apa yang dapat menjaga kesihatan dan yang membahayakan. Dan dalam mendidik budi pekerti, Islam telah menyuruh berkata benar dan juga dalam menjaga perhubungan baik seperti menepati janji. Islam juga melarang segala apa yang buruk dan perbuatan maksiat seperti zina, minum arak, mengata-ngata orang, atau membuat fitnah atau menjadi saksi bohong dan sebagainya.

Dan dalam bidang kewangan pula, Islam mewajibkan zakat dengan dijadikannya sebagai hak orang fakir pada harta orang-orang kaya. Susunan ini sebagai jaminan yang kukuh membuat masyarakat Islam tidak perlu

dengan sistem yang dibuat oleh manusia umpamanya sosialisme, kapitalisme dan sebagainya. Sistem Islam dalam bidang ini telah menjadi panduan umum kepada badan-badan kebijakan di banyak negara di dunia ini.

Dan dalam menyusun keluarga, Islam menggalakkan perkahwinan dan menentukan perkahwinan yang sah itu mestilah ada wali, dua orang saksi dan maskahwin. Jika tidak ada syarat ini maka perhubungan lelaki perempuan itu adalah zina. Dan Islam membolehkan talak jika terjadi antara suami isteri itu tidak sefahaman dan tidak dapat diselesaikan melainkan dengan talak sebagai satu-satunya jalan keluar supaya tidak terjadi permusuhan antara kedua-dua keluarga yang berkenaan.

Dan untuk menjaga peraturan umum atau hak-hak masyarakat umum, Islam telah menyusun juga peraturan-peraturan khusus untuk memilih ketua dan syarat-syarat yang tertentu yang perlu ada bagi orang yang hendak dipilih dan kuasa orang-orang yang terpilih. Ini semua supaya kebijakan masyarakat terpelihara.

Kalaularah tidak ada fiqh Islam ini, umat Islam tidak akan dapat kehidupan yang sempurna. Tidak ada ikatan atau perhubungan yang menyatukan mereka. Selain dari ikatan fiqh Islam ini, Aqidah Islam juga menjadi tonggak kesatuan mereka. Selagi hukum Islam ini ada, dan dipatuhi, selama itu masyarakat Islam akan wujud dan sebaliknya kalau tidak ada hukum Islam maka tidaklah ada Islam.

Satu daripada keistimewaan syariat Islam ini - ianya berbentuk (syumul) menyeluruh pada pengajarannya. Tiap satu perkara atau masalah yang bersangkut paut dengan kehidupan di dunia ini, syariat Islam tetap mempunyai pandangan dan hukum untuknya. Sebab itulah kita dapati ada nas-nasnya bagi perkara-perkara ibadat ataupun akhlaq atau aqidah atau muamalat dengan ertikatanya yang meluas yang merangkumi peraturan antara individu sesama mereka, dan juga dalam kumpulan, benar seperti mana yang dinyatakan oleh Allah

s.w.t. dalam Firman-Nya yang bermaksud: Sesungguhnya Kami (Allah) tiada meninggalkan dalam kitab sesuatu jua pun. (Al-Anam: 38).

Bagaimakah keadaan masyarakat Islam atau umat Islam jika ia berada di dalam negara bukan Islam atau negara yang mengamalkan sistem sekular?

Melantik Ulil Amri

Sesuatu daripada kewajipan penting di atas masyarakat Islam ialah melantik orang yang dipertanggungjawabkan untuk mengatur urusan agama dan masyarakat Islam terutama sekali jika mereka berada di dalam negara yang tidak mengamalkan pemerintahan Islam demi untuk menjalankan beberapa hukum yang wajib dijalankan bagi keperluan masyarakat Islam umum. Perkara-perkara ini tidak dapat dijalankan oleh individu bersendirian bahkan perlu dijalankan oleh satu kuasa yang layak memikirkan kepentingan umum. Dalam hubungan ini, Imam Ibnu Taymiyyah telah berkata: Sesungguhnya mengendalikan hal ehwal masyarakat merupakan kewajipan agama yang terpenting.

Kerana kepentingan orang ramai tidak dapat dilaksanakan melainkan dengan adanya bersepakatan untuk membantu antara satu dengan yang lain, masyarakat memerlukan ketua yang membimbing. Atas dasar inilah Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Jika keluar tiga orang dalam satu pelayaran hendaklah dilantik seorang antara mereka sebagai ketua. (Hadith riwayat Abu Daud dari Abu Said dan Abu Hurairah.)

Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam kitabnya ‘Al Musnad’ dari Abdullah bin Amr bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: Tidak harus bagi tiga orang hidup di tengah-tengah padang pasir melainkan dilantik satu antara mereka menjadi ketua.

Dengan yang demikian pendirian Rasulullah s.a.w. mewajibkan perlantikan ketua bagi kumpulan yang kecil yang terdedah waktu hendak memulakan

pelayaran ini seharusnya memberi maksud yang sama terhadap sebarang perkumpulan Islam yang lebih angkanya dari itu.

Oleh kerana perkara-perkara agama itu tidak dapat dilaksanakan melainkan dengan kuasa dan Allah s.w.t. telah mewajibkan “menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat jahat” dan menolong orang yang teraniaya, dan juga lain-lain kewajipan seperti jihad, atau menjalankan urusan kehakiman, keadilan, menentukan permulaan puasa dan Hari Raya, mengumpulkan zakat, mentadbir Baitulmal dan sebagainya, yang kesemuanya tidak dapat dijalankan melainkan dengan adanya kuasa, membentuk satu pihak yang dipertanggungjawabkan adalah seperkara yang sangat perlu dalam Islam.

Dengan itu adalah wajib mengikut hukum syarak atas orang-orang Islam melantik seorang imam atau ketua yang dapat menjalankan kerja-kerja yang sesuai untuk menjaga kepentingan atau kebaikan orang-orang Islam amnya atau untuk menolak bencana yang mungkin mereka tempuh. Pendapat ini adalah ijmak (sepakat ulamak dalam hukumnya) dari para sabahat Nabi s.a.w selepas wafat baginda hingga mereka menganggapnya sebagai kewajipan utama mereka mendahului perlantikan ini dari pengebumian Rasulullah s.a.w. Dan amalan ini telah terus diamalkan pada tiap masa dan keadaan.

Dengan terpilih dan terlantiknya orang seperti yang diharapkan ini atau orang-orang Islam yang dipertanggungjawabkan ini, masyarakat Islam wajib mematuhi mereka. Ini adalah berpandukan firman Allah s.w.t. yang bermaksud: Dan hendaklah kamu taatkan Allah dan taatkan Rasul dan orang-orang yang dipertanggungjawabkan di antara kamu. (An-Nisaa: 59)

Menolak dan mendurhaka penentuan uli amril muslimin ini adalah ditegah dan hukumnya haram. Khasnya jika mereka itu orang adil, orang yang tidak fasiq. Ada ulama yang berpendapat bahawa sekalipun ianya fasiq pada amalan peribadi kerana bukan dari syarat perlantikan imam itu, orang yang maksum khasnya para salafis saleh di masa-masa dahulu tetap menerima

dan mematuhi para imam ini dan tidak keluar dari kumpulan jamaah, sekalipun ada dari para imam itu yang kurang baik dan tersebar sifat-sifat buruk itu. Ini adalah kerana sifat fasik itu pada dirinya sendiri dan bukan menjadi sebab utama untuk melucutkan jawatan imamnya selagi ia menjalankan tugas kepimpinannya dengan betul. Tidak seperti kadhi yang harus dilucutkan jawatannya jika terdapat kefasikan pada dirinya. Orang ramai wajib patuh dan menurut perintah dan arahannya selagi ia tidak menyuruh perkara yang salah pada syarak. Ini berpandukan hadith Nabi s.a.w. yang menerangkan yang bermaksud: Tidak harus taat kepada satu makhluk dalam perkara maksiat kepada khaliq.

Selagi imam itu menyuruh yang baik dan benar menurut syarak, ia wajib dipatuhi, yang ingkar adalah berdosa, sebagaimana Hadith Nabi s.a.w. menerangkan: Barangsiapa keluar dari jemaah sekalipun sekedar sejengkal sahaja sesungguhnya ia telah membuka ikatan Islam dari lehernya.

Ketua yang terlantik ini wajib pula ketika menjalankan tugas dan pentadbirannya terhadap rakyat mengikut asas kepentingan masyarakat Islam. Mengenai perkara ini ulama-ulama Islam telah membuat kaedah hukum bahawa Pentadbiran Imam (Pemerintah Negara) terhadap rakyat bergantung kepada maslahah (kepentingan).

Pihak Imam hendaklah senantiasa menjaga dirinya supaya tidak berlaku cuai dengan sengaja, atau lalai mengikut prinsip maslahat, sama ada dalam soal mengadakan dasar-dasar pentadbiran dan perundangan, mahupun dalam hal perlantikan pegawai-pegawai. Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Barangsiapa yang memegang teraju pemerintahan orang-orang Islam tiba-tiba ia melantik seorang pegawai yang tidak layak sedang ia mampu mendapat orang lain yang lebih layak dari orang tadi, sesungguhnya ia telah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya. Mengikut Islam, orang ramai hendaklah selalu bersatu padu, hormat menghormati antara satu dengan yang lain, menjaga kebaikan bersama

dan menolak sebarang perkara yang mungkin menimbulkan perselisihan. Di antara perkara-perkara yang menjadi dasar perpaduan adalah nasihat menasihati antara sesama mereka. Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesungguhnya Allah telah meredhai bagi kamu tiga perkara: (a) Hendaklah kamu menyembah (mengabdikan diri) kepada-Nya, dan kamu tidak menyekutuNya dengan sesuatu, (b) hendaklah kamu bersatu pada berpegang dengan tali Allah dan janganlah kamu bercerai berai, (c) hendaklah kamu nasihat menasihati sesiapa yang telah dilantik oleh Allah untuk mentadbirkan hal ehwal kamu. (Hadith Riwayat Muslim)

Dalam satu hadith yang lain Rasulullah s.a.w. telah bersabda membawa maksud: Agama itu nasihat. Kami berkata: Bagi siapa? Baginda bersabda: Bagi Allah dan bagi KitabNya dan bagi RasulNya dan bagi imam-imam kaum muslimin dan bagi orang ramai mereka. (Hadith Riwayat Muslim)

Secara ringkas, maksud dari hadith ini ialah agama itu terletak pada nasihat sebab nasihat itu mengandungi ketaatan kepada Allah s.w.t. dan pada Rasul-Nya, beriman serta beramal dengan KitabNya dan sunnah RasulNya. Dan nasihat kepada imam-imam kaum muslimin adalah nasihat kepada ketua-ketua yang dipertangung-jawabkan tentang Islam dengan menolong dan menyokong mereka dalam perkara kebenaran dan keadilan, mematuhi mereka dalam urusan kebaikan, menegor mereka dengan cara yang sopan dan mengingatkan mereka di kala mereka terlalai dari kewajipan dan tidak menghasut orang ramai supaya keluar dari barisan ketaatan yang boleh membawa kekacauan. Maksud nasihat kepada orang ramai ialah memimpin mereka ke jalan yang benar.

Amalan Islam di negara sekular harus berpendirian sederhana khasnya kerana hukum-hukum Islam itu sendiri adalah sederhana. Islam menolak sikap fanatik dan keterlaluan. Dalam pada itu ada perkara-perkara di mana masyarakat Islam boleh bertoleransi tetapi ada juga perkara-perkara di mana

tidak ada tolak ansur padanya. Umpamanya dalam perkara aqidah, masyarakat Islam tidak boleh bertolak ansur, kerana perkara ini akan menukar identiti muslim itu sendiri. Tetapi dalam perkara-perkara lain seperti tidak dapat menjalankan hukum potong tangan kerana mencuri atau hukum sebat terhadap orang yang berzina, masyarakat Islam terpaksa menerima kerana di dalam Islam sendiri perkara ini tidak boleh dijalankan melainkan di bawah pentadbiran Islam yang lengkap dengan perundangan mahkamahnya dan banyak lagi syarat-syarat lain yang tidak terdapat sekarang ini melainkan di negara yang menjalankan pemerintahan Islam secara menyeluruh.

Pihak yang berkenaan dengan agama Islam di negara sekular harus mencuba sedaya upaya untuk memperjuangkan perkara-perkara yang membawa faedah kepada masyarakat. Jika ia gagal setelah berusaha, masyarakat harus memahami keadaan pihak yang berkenaan. Tuduh menuduh dengan apa cara pun adalah tidak sesuai kerana ia hanya membawa kepada fitnah dan kerugian.